

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memberikan maklumat serta kesedaran kepada masyarakat tentang autisme di negara ini dan menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak autisme mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tindakan yang diambil Kementerian untuk meningkatkan kesedaran mengenai autisme di kalangan masyarakat awam.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan **YB Ledang** bertarikh 18 Oktober 2018 bersekali dengan pertanyaan **YB Batang Sadong** pada 15 November 2018 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Kanak-kanak autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran (*Learning Disability*) oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Kementerian melalui JKM telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang autisme dan menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak autisme mereka. Antaranya adalah:

i. **Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)**

Kempen pendaftaran OKU dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun mengikut negeri atau zon melalui program kerajaan dimana JKM negeri dan daerah akan membuka *booth* untuk pendaftaran bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman masyarakat, keluarga dan OKU, termasuk OKU autisme. Sehingga 30 September 2018, seramai **20,339 OKU** autisme telah berdaftar dengan JKM. Namun demikian, populasi autisme adalah dianggarkan seramai 1 nisbah 68 kanak-kanak iaitu hampir 9,000 kanak-kanak dilahirkan dengan autisme setiap tahun di Malaysia. Ini bermaksud, pemegang kad OKU autisme buat masa ini terlalu rendah.

Antara sebab kenapa ramai belum mendaftar sebagai OKU:-

- Autisme melibatkan *spectrum* yang luas. Bagi golongan *high functioning spectrum*, ramai ibu bapa percaya bahawa dengan adanya intervensi awal, kanak-kanak tersebut tidak perlu berdaftar sebagai OKU. Ramai yang tidak tahu bahawa kad OKU ini sebenarnya boleh dibatalkan atas pengesahan pegawai perubatan.
- Kekangan kekurangan liputan perlindungan insurans sekiranya anak berdaftar sebagai OKU.

- Saringan menyeluruh di semua fasiliti kerajaan yang mengambil masa hampir setahun untuk mengesahkan autisme
- Masalah stigma dalam komuniti terhadap golongan berdaftar OKU
- Kekurangan kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai simptom autisme kerana autisme melibatkan gangguan perkembangan komunikasi, tingkah laku, kemampuan sosial dan belajar yang tidak mudah dikenal pasti tanpa saringan.

ii. Menyokong Kempen *#LightItUpBlue* Sempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia pada setiap 2 April

iii. Pusat Permata Kurnia

Pusat Permata Kurnia menyediakan program intervensi sepenuh masa untuk kanak-kanak autisme yang berusia antara 4 hingga 6 tahun sebagai persediaan untuk memasuki sekolah aliran perdana. Namun demikian, pusat ini tidak dapat menampung senarai menunggu yang panjang. Walaupun kapasiti sebenar pusat Permata Kurnia adalah seramai 300 orang namun bilangan sedia ada telah mencecah 475 orang. Senarai menunggu lebih kurang 200 orang.

Kerajaan dalam proses menambah 3 lagi Pusat Permata Kurnia di Melaka, Alor Setar, Kedah (masih dalam perbincangan untuk tapak bersama KKM) dan Putrajaya.

Kami menyeru semua pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri untuk sama-sama membantu mempercepatkan proses perwujudan pusat intervensi awal seperti ini.

iv. Penyebaran Maklumat Autisme Melalui Media Massa

JKM bekerjasama dengan pihak penyiaran seperti di televisyen dan radio dalam penyebaran maklumat berkaitan autisme. Sebagai contoh Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi tamu di televisyen seperti Selamat Pagi Malaysia, Wanita Hari Ini, dan tamu di radio seperti Radio Nasional dan IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) bagi menyebarkan maklumat.

v. Program *Disability Equality Training (DET)* dan *Disability Related Services Training (DRST)*

Kedua-dua program ini merupakan antara program bulanan utama dan berkala JKM kepada OKU, majikan dan orang awam dalam

memberikan advokasi dan menyebarkan maklumat berkaitan konsep sebenar ketidakupayaan dan meningkatkan kefahaman masyarakat untuk menyantuni semua OKU termasuk OKU autisme. Bilangan DET yang telah dijalankan sehingga September 2018 yang meliputi 805 peserta menerusi 18 kursus di seluruh negara dan pelbagai agensi.

Usaha dan inisiatif berterusan ini adalah bukti pihak kerajaan melalui Kementerian sentiasa prihatin dalam memberikan maklumat serta kesedaran kepada masyarakat tentang autisme di Negara ini. Dengan peningkatan kesedaran ini juga adalah diharapkan lebih ramai ibu bapa atau penjaga serta masyarakat mendaftarkan anak atau ahli keluarga mereka dan seterusnya menikmati kemudahan yang disediakan.

Langkah seterusnya

Kementerian berharap lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan sokongan Ibu bapa (*Parents Support Group*) akan tampil untuk menyediakan perkhidmatan *Early Intervention Programme* (EIP) kepada kanak-kanak yang mengalami Autisme.

JKM juga sedang mempertimbangkan permintaan ramai ibu bapa untuk mewujudkan sub-kategori autisme di dalam kad OKU yang membolehkan mereka mengakses perkhidmatan yang lebih spesifik.

Kesimpulannya, kesedaran autisme masih rendah di kalangan masyarakat dan tidak seharusnya dilihat sebagai beban kerana ada ramai kanak-kanak autisme yang berbakat (*gifted children*) dan memiliki kemahiran luar biasa.

Harapan Kementerian adalah supaya akses kepada saringan awal dan saringan menyeluruh dipermudahkan dan fasiliti intervensi awal dapat dipertingkatkan.